

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**  
**TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 184/2020	Cadangan Menaiktaraf Kompleks Komuniti Ecohill Di Atas Sebahagian Lot PT 33987, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Kajang	CIDB G2	B04 & CE21	RM50.00	19 Februari 2021 Hingga 5 Mac 2021

**Penyebutharga adalah DIGALAKKAN untuk hadir lawatan tapak seperti ketetapan berikut:  
(Lawatan Tapak dilaksanakan secara temujanji)**

**Tarikh** : 19hb Februari 2021 sehingga 26hb Februari 2021  
**Tempat** : Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,  
Off Jalan Semenyih,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

**Pegawai terlibat** : Muhammad Shafiq Bin Suhaimi (Penolong Jurutera)  
**untuk lawatan tapak** 013-2404031

\* Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina sebutharga tersebut. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

\* Penyebutharga perlu membuat temujanji terlebih dahulu untuk hadir lawatan tapak pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan sahaja.

\* **Hanya Pemilik / Penama Sahaja Diwajibkan** untuk hadir lawatan tapak. Sila bawa bersama Sijil Asal Pendaftaran.

\* Penyebutharga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghadiri lawatan tapak seperti memastikan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.

#### **DOKUMEN MEJA TERKAWAL**

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>

#### **Pembelian Secara Manual Sahaja**

Penyebutharga diwajibkan untuk melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Penyebutharga perlu membeli Dokumen Tawaran secara manual di kaunter Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang dengan bayaran Dokumen Tawaran dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos sahaja di atas nama Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Kajang.

Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada penyebutharga yang sah sahaja bermula tarikh **19 FEBRUARI 2021 HINGGA 5 MAC 2021**. Untuk maksud ini penyebutharga hendaklah membawa sijil pendaftaran asal dan salinan seperti berikut:-

- i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
- ii) Sijil Taraf Bumiputera (STB);
- iii) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB); dan
- iv) Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

\* Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.

#### **TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 5 MAC 2021 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAHARI**. Penyebutharga diminta untuk mendapatkan kebenaran dari pihak berwajib bagi urusan rentas negeri atau daerah dan ditunjukkan semasa sekatan jalan raya sekiranya perlu. Pihak tuan/puan digalakkan untuk menghantar dokumen tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar dokumen tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar dokumen tawaran secara berkumpulan.